



Semua Pelajar Berdaftar  
Semester 1 Sesi Akademik 2019-2020  
Pusat Kembangan Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

**PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2019-2020**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Program Eksekutif (kecuali FTSM) dan Berterusan Jarak Jauh (PBJJ) Semester 1 Sesi Akademik 2019-2020 akan diadakan pada **28 Januari hingga 23 Februari 2020**.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan kursus Semester 1 Sesi Akademik 2019-2020 melalui **SMPE** mulai **2 hingga 8 Disember 2019**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, saudara/i perlu menekan butang SAH jika semua kursus dipaparkan adalah betul. Semua pelajar **perlu** membuat pengesahan kursus ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan **akan dikenakan denda sebanyak RM50.00**.

Draf jadual peperiksaan akhir Semester 1 Sesi Akademik 2019-2020 akan dipaparkan di laman web PKP bermula **2 Disember 2019**. Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan, saudara/i dikehendaki memaklumkan kepada Unit Peperiksaan dan Pengijazahan PKP melalui emel [mazuna@ukm.edu.my](mailto:mazuna@ukm.edu.my) selewat – lewatnya pada **8 Disember 2019**.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Jika semasa peperiksaan, saudara/i tidak hadir bagi kursus - kursus berkenaan, saudara/i akan diberi gred E (gagal).

Jadual Peperiksaan muktamad dipaparkan dalam Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) yang boleh dicapai melalui SMPE mulai **30 Disember 2019**. Pelajar dinasihatkan menjelaskan yuran yang tertunggak **2 minggu lebih awal** daripada tarikh tersebut untuk mengelakkan sebarang kesulitan.

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.




**PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN**

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4078 Faks: +603-8925 1391 E-mel: [upppkp@ukm.edu.my](mailto:upppkp@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/pkp](http://www.ukm.my/pkp)

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**MAZUNA JAMALUDDIN**

Eksekutif Kanan

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan

- s.k. - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik  
- Penyelaras Program  
- Eksekutif, Unit Pengurusan Program dan Rekod Pelajar



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

**PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN**

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4078 Faks: +603-8925 1391 E-mel: upppkp@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my